

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

YKT 301/4 - Komunikasi, Kelas dan Konflik

Masa: [3 jam]

Jawab **TIGA** (3) soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. Hegemoni atau kuasa ke atas organisasi media bukan lagi satu perkara penting masakini oleh sebab audien media mempunyai kuasa tersendiri untuk menakrif mesej-mesej media mengikut kehendak mereka. Bincang pandangan optimis pascamoden ini.

(40 markah)

2. Media memainkan peranan utama untuk memodenkan masyarakat membangun. Oleh demikian, media patutlah dikuasai oleh kerajaan (yang sememangnya bertanggungjawab kepada rakyat). Bincangkan andaian ini.

(30 markah)

3. Imperialisme budaya berlaku akibat keinginan "negara-negara Barat" mendominasi "budaya Timur" dengan menyediakan budaya dan nilai-nilai "asing" mereka. Nilaiikan secara kritis pandangan ini.

(30 markah)

4. Dengan membincangkan liputan media terhadap fenomena "lepak", terangkan bagaimana media memainkan peranan dalam *deviancy amplification spiral* dan juga melanjutkan suasana *moral panics*.

(30 markah)

5. Liputan media yang benar dan tepat tidak penting apabila berlaku peperangan; yang penting ialah terpeliharanya maruah agama, bangsa dan negara. Bincangkan pendapat ini dalam konteks sejarah liputan media tentang peperangan.

(30 markah)